

DBKL mahu pantau prestasi kakitangan

KUALA LUMPUR – Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bercadang menubuhkan jawatankuasa bertindak bagi memantau tingkah laku setiap pergerakan kakitangannya semasa bertugas.

Menurut Datuk Bandar, Datuk Ab. Hakim Borhan, penubuhan jawatankuasa akan diperhalusi bagi memastikan pendekatan yang perlu digunakan supaya dapat benar-benar berkesan.

"Pasukan ini perlu ada bagi memastikan kakitangan DBKL benar-benar menjalankan tugas berlandaskan peraturan dan dengan adanya cara ini, secara tidak langsung kita dapat lihat prestasi kerja mereka dari semasa ke semasa," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyampaikan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang DBKL kepada 670 penerima bertempat di Stadium Titiwangsa di sini semalam.

Peringkat pertama penyampaian anugerah itu melibatkan jumlah tersebut manakala 145 penerima lagi akan menerima anugerah dalam Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang di peringkat Kementerian Wilayah Persekutuan yang dijadualkan berlangsung pada 12 Ogos ini.

Setiap penerima anugerah menerima insentif iaitu RM1,000 sebagai hadiah prestasi, diberi keutamaan untuk menghadiri kursus, seminar atau pertandingan yang boleh menyumbang kepada prestasi kerja.

"Selain itu, mereka juga diberi peluang keutamaan bagi pencalonan untuk menerima pingat, bintang dan darjah kebesaran persekutuan dan negeri," katanya.



ANGGOTA penguat kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur gembira selepas menerima anugerah pada Majlis Anugerah Perkhidmatan Terbaik di Kuala Lumpur semalam.